

D132

R B716 DEB
RML

KUALA LUMPUR, 20 MAC (BERNAMA) -- RANCANGAN MALAYSIA KELIMA YANG AKAN DIBENTANGKAN OLEH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DI DEWAN RAKYAT ESOK DIJANGKA MENEKANKAN PEMBANGUNAN BERDASARKAN KEPADA PERTUMBUHAN YANG DISERTAI DENGAN KESTABILAN.

RASIONAL DI SEBALIK PENEKANAN INI, MENGIKUT PARA PERANCANG, IALAH KETIDAKPASTIAN PEMULIHAN EKONOMI ANTARABANGSA DAN KELEMBAPAN PASARAN BARANGAN TERUTAMANYA TIMAH DAN PETROLEUM.

DENGAN BATASAN-BATASAN TERHADAP PERTUMBUHAN SEKTOR LUAR DAN DALAM NEGERI, NEGARA PERLU MENERUSKAN PELAKSANAAN DASAR-DASAR DAN STRATEGI PENGUBAHSUAIAN.

DARIPADA SEGI INI, PENGAWALAN DIPERLUKAN BAGI DEFISIT DALAM AKAUN BELANJAWAN SEKTOR AWAM DAN AKAUN SEMASA IMBANGAN BAYARAN SERTA PENINGKATAN TANGGUNGAN KHIDMAT BAYARAN HUTANG, KATA MEREKA.

DALAM LINGKUNGAN INI, PARA PERANCANG DIJANGKA DAPAT MENGATUR LANGKAH KE ARAH PERKEMBANGAN EKONOMI YANG SEDERHANA DAN PERTUMBUHAN ITU PERLU DILAKSANAKAN DENGAN SUMBER-SUMBER YANG TERHAD DAN TIDAK TERLALU BERGANTUNG KEPADA PINJAMAN LUAR. -- LAGI.
1600MST 20 03 86

D134

R B717 DEB
RML 2 KUALA LUMPUR

KABURNYA PROSPEK PERKEMBANGAN EKONOMI DUNIA TIDAK PULA MENGHALANG PARA PERANCANG BERFIKIRAN OPTIMIS TERHADAP PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA KERANA, MENURUT MEREKA, PENGUBAHSUAIAN AKAN DIBUAT KEPADA RML.

+RML BUKANLAH SATU DOKUMEN YANG STATIK,+ KATA KETUA PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI DATUK SERI RADIN SOENARNO AL-HAJ KEPADA PARA WAKIL MEDIA MASSA YANG MENGHADIRI TAKLIMAT RML DI SINI HARI INI.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA RML ADALAH SATU DOKUMEN YANG HIDUP, YANG BOLEH DIUBAHSUAIKAN MENGIKUT PERKEMBANGAN EKONOMI DUNIA.

WALAUPIUN DEMIKIAN, RML PADA ASASNYA AKAN TERTUMPU KEPADA USAHA YANG LEBIH UNTUK MENGGEMBLENGKAN SUMBER DALAM NEGERI SERTA MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN PRODUKTIVITI.

LANGKAH-LANGKAH ITU PENTING UNTUK MEMASTIKAN SUPAYA KESTABILAN EKONOMI DAN KEWANGAN YANG LEBIH KUKUH DAPAT DICAPAI, KATA PARA PERANCANG. -- LAGI.
1603MST 20 03 86

D136

R B718 DEB
RML 3 KUALA LUMPUR

SEKTOR YANG DIJANGKAKAN MENJADI PENGGERAK UTAMA PERTUMBUHAN KELUARAN KASAR NEGARA IALAH SEKTOR PEMBUATAN DAN PENGLIBATAN SEKTOR SWASTA DALAM SEKTOR PERTANIAN

SEKTOR SWASTA DIJANGKA MERUPAKAN TERAS UTAMA PERKEMBANGAN EKONOMI DALAM RML BERPUNCA DARIPADA PERTUMBUHAN PESAT DALAM PELABURANNYA.

KETIKA MEMBENTANG RML ESOK, PERDANA MENTERI DIJANGKA MENYERU RAKYAT UNTUK BERUSAHA DENGAN LEBIH GIGIH LAGI SERTA MELENGKAPKAN DIRI MEREKA UNTUK MENGHADAPI CABARAN SOSIO-EKONOMI DAN POLITIK YANG LEBIH BESAR. -- BERNAMA.
1606MST 20 03 86